

**Mengenepikan ketertiban pengurusan
dalam menjalankan tanggungjawab**

PM TEGUR PENGARAH₂

MM 4 JAN 1967

KUALA LUMPUR 3 Jan. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegur tindak-tanduk para pengurus dan pengarah dalam syarikat-syarikat awam yang mengeneppikan ketertiban pengurusan dalam menjalankan tanggungjawab yang diberi.

Tegas Perdana Menteri, sikap tidak mengendahkan ketertiban pengurusan dan sistem serta cara kerja telah menyebabkan berlakunya penyelewengan, rasuah dan perkara-perkara yang tidak diingini pada syarikat-syarikat awam.

"Para pengurus dan pengarah dalam syarikat-syarikat awam berlagak seolah-olah wang syarikat adalah milik mereka dan mereka boleh berbuat apa sahaja dengan wang itu," katanya.

Berucap merasmikan Seminar Pengurusan Tertinggi Perkhidmatan Awam Kearif Peningkatan Keupayaan Pengurusan, Datuk Sri Dr. Mahathir mahu sifat-sifat amanah, kebersihan dan kecekapan menjadi pegangan dalam menentukan kejayaan sesuatu pengurusan.

Kepintaran

Menurutnya, kecekapan pengurusan, kerajinan, kesetiaan, disiplin dan kepintaran berkomunikasi juga merupakan sifat-sifat terpenting untuk membantu keberkesanan sistem pengurusan.

Dalam pengurusan kerajaan pula, tambah Perdana Menteri, amanah sangat diperlukan kerana pihak pengurusan menjadi pemegang amanah kepada harta milik orang awam.

Beliau berpendapat, sementara untung atau rugi pengurusan harta sendiri akan dipikul oleh diri sendiri, untung rugi pengurusan harta awam akhirnya akan dipikul oleh orang awam.

"Oleh itu komitmen kita kerap berbeza antara dua tugas ini kerana kita sering lupa bahawa kita juga adalah anggota masyarakat awam dan apa yang menimpa masyarakat akan menimpa kita juga," ujarnya.

LIHAT MUKA 11

PM TEGUR PENGARAH² SYARIKAT ■ 4 JAN 1987

Tegas Perdana Menteri orang yang kuat beramanah akan mengangap bahawa pengurusan harta awam hendaklah dibuat dengan penuh tanggungjawab dan jika ini menjadi pegangan tidak akan berlaku penyelewengan, kecuaihan, pembaziran dan rasuah.

Perdana Menteri memberitahu, tradisi pengurusan di Malaysia kebanyakannya diasaskan kepada pengurusan syarikat kepunyaan sendiri, atau keluarga dan amalan-amalan seperti ini dibawa dalam pengurusan syarikat-syarikat "Public Limited" juga.

Katanya, sebab itulah pengurus dan pengarah berlagak seolah-olah

wang syarikat adalah milik mereka dan boleh berbuat apa sahaja dengan wang itu.

Beliau berkata, walaupun kerajaan bukanlah sebenarnya sebuah syarikat, tetapi pentadbiran negara melalui apa juga jenis kerajaan masih merupakan satu jenis pengurusan.

Katanya: "Perbezaan yang ketara dalam pengurusan kerajaan ialah tidak adanya 'profit motive' yang merupakan insentif utama dalam syarikat perniagaan.

Gejala-gejala ini, katanya, melahirkan sikap yang tidak sihat di kalangan pengurus-pengurus syarikat awam.

Perdana Menteri

mengingatkan, sistem yang terbaik sekalipun tidak akan mendatangkan hasil sekiranya orang-orang yang menjalankannya tidak berkebolehan dan mempunyai sifat-sifat buruk.

Beliau berpendapat, walaupun amanah dan kejujuran lebih penting dalam apa juga jenis pengurusan, kecekapan juga boleh membantu untuk mencapai kejayaan dalam pengurusan.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga menyentuh ten-

tang pentingnya kebersihan fikiran dan kebersihan fizikal dalam melicinkkan pengurusan dan pentadbiran.

Beliau menyatakan, sangkaan buruk terhadap dasar dan arahan akan memesongkan usaha untuk menjayakan dasar dan arahan itu.

"Orang yang berfikiran bersih akan menumpu kepada kebaikan sesuatu tugas yang dipertanggungjawabkan kepadanya tanpa sangkaan buruk yang mengganggu fikirannya," ujarnya.

Perdana Menteri menegaskan, negara yang tidak teratur dan kotor dan penuh dengan tohmah serta fitnah tidak pernah menjadi negara yang maju dan bertamadun tinggi.